INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

PELAN STRATEGIK

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)

2026–2030

INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

PELAN STRATEGIK 2026-2030

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)

© INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES) 2025

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana isi kandungan penerbitan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin daripada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).

IYRES merupakan sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini akan melaksanakan pelbagai penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujud dan melaksanakan program latihan berkaitan penyelidikan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah data mengenai pembangunan belia.

Cadangan Sitasi:

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2025). Pelan Strategik Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) 2026–2030. Putrajaya: IYRES

ISBN 978-967-2783-34-3

9 789672 783343

Diterbitkan di Malaysia oleh:

INSTITUTE FOR YOUTH RESEARCH MALAYSIA

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
Aras 10, Menara KBS
No. 27 Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, Malaysia
No. Tel. : +603 – 8871 3417
E-mel : info@iyres.gov.my
Laman Web : www.iyres.gov.my

iyreskbs

KANDUNGAN

DARIPADA WARGA IYRES 4

PENDAHULUAN 7

LATAR BELAKANG 11

PROFIL KORPORAT 15

- Fungsi 16
- Punca Kuasa 18
- Revolusi Logo 23
- Carta Organisasi 24
- Pemegang Taruh 25
- Pelanggan 26
- Rakan Strategik 27
- Imbasan Pelan Strategik IYRES 2021 – 2025 30
- Pencapaian Keseluruhan Pelaksanaan Pelan Strategik IYRES 2021-2025 32

HALA TUJU STRATEGIK 37

TERAS STRATEGIK 41

- Teras Strategik 1: Pemantapan Penyelidikan dan Pengurusan Data Secara Holistik 44
- Teras Strategik 2: Pemantapan Jaringan Kolaborasi Strategik dan Komunikasi 46
- Teras Strategik 3: Pengukuhan Tadbir Urus yang Baik 47

MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN 48

PENUTUP 49

DARIPADA

Warga IYRES

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Pelan Strategik Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) 2026–2030 merupakan dokumen perancangan strategik yang amat penting sebagai panduan utama dalam menentukan hala tuju institut dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

Pelan ini digubal berteraskan kepada keperluan untuk memperkukuh peranan IYRES sebagai peneraju penyelidikan pembangunan belia dan pusat rujukan data belia negara secara menyeluruh, inklusif serta responsif terhadap cabaran semasa pembangunan belia.

Pelan Strategik IYRES 2026–2030 menggariskan **tiga (3) teras strategik, lapan (8) strategi dan 24 program** secara menyeluruh, dengan indikator prestasi utama (KPI) yang objektif bagi menilai impak pelaksanaan dari semasa ke semasa. Pelan ini juga memberi penekanan kepada elemen kolaborasi rentas agensi pelaksana dan penerapan nilai inovasi dalam pendekatan penyelidikan pembangunan belia. Seluruh warga IYRES memikul tanggungjawab untuk menterjemahkan pelan ini ke dalam bentuk pelaksanaan yang berimpak tinggi seterusnya memberi nilai tambah kepada pembangunan belia negara.

Oleh itu, pencapaian bagi setiap program atau aktiviti yang telah dicadangkan dalam pelan strategik ini akan dinilai melalui pemantauan tahunan. Pemantauan ini bertujuan memastikan peranan dan fungsi IYRES sebagai peneraju penyelidikan pembangunan belia serta pusat rujukan data belia dapat dicapai. Diharapkan agar semua warga IYRES memanfaatkan pelan strategik ini secara optimum dalam merancang program atau aktiviti tahunan IYRES.

Melalui keyakinan dan kepercayaan serta iltizam yang tinggi serta semangat berpasukan yang kukuh, mampu merealisasikan visi IYRES ke arah menjadi organisasi yang cemerlang, diyakini dan sentiasa relevan dalam landskap pembangunan belia negara.

Akhir kata, kami seluruh warga IYRES merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi penghasilan Pelan Strategik IYRES 2026–2030.

Salam hormat dan terima kasih.

WARGA,
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Report
Overview
Report
Report
Changes over time

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

Pelan Strategik Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) 2026-2030 merupakan kesinambungan dan penambahbaikan kepada Pelan Strategik IYRES 2021-2025. Pelan strategik ini menggariskan hala tuju IYRES yang jelas untuk merealisasikan visi IYRES iaitu **"Peneraju Hab Penyelidikan dan Data Pembangunan Belia"**.

Pelan strategik ini telah dirangka berdasarkan input-input yang diperolehi menerusi beberapa siri bengkel yang dilaksanakan pada tahun 2025. Output yang dihasilkan ini adalah gabungan daripada semua input dan maklum balas yang diterima berdasarkan pencapaian semasa serta sasaran IYRES ke hadapan. Pelan ini turut dirangka secara sistematik dengan meneliti landskap semasa pembangunan belia, mengambil kira dasar-dasar nasional seperti Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe13), Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668), Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035, serta komitmen negara terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs 2030). Di samping itu, aspirasi transformasi digital dan keterangkuman data turut diangkat sebagai salah satu tonggak utama dalam pelaksanaan pelan ini.

Dalam era yang semakin mencabar dan kompleks, IYRES sentiasa berusaha memperkukuh kapasiti dan keupayaan organisasi selaras dengan kemajuan teknologi, keperluan semasa dan aspirasi negara. Tumpuan turut diberikan kepada pendigitalan data belia, urus tadbir berasaskan maklumat (evidence-based) dan pendekatan penyelidikan rentas disiplin yang lebih bersifat holistik serta inklusif. Sepanjang tempoh pelaksanaan Pelan Strategik IYRES 2021–2025, IYRES telah menunjukkan kemajuan yang ketara dalam aspek penghasilan penyelidikan yang diiktiraf sebagai petunjuk Prestasi Utama Peringkat Nasional, pembangunan sistem data belia nasional, penerbitan hasil kajian, pembudayaan penyelidikan dalam kalangan pegawai dan keterlibatan dalam pelbagai inisiatif dasar di peringkat nasional serta antarabangsa.

Menerusi Pelan Strategik IYRES 2026–2030, IYRES akan terus komited untuk menjadi peneraju utama dalam bidang penyelidikan pembangunan belia yang berimpak tinggi, dinamik dan mampu memberi nilai tambah kepada usaha kerajaan dalam membentuk generasi belia yang berdaya saing, sejahtera serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Sebagai institusi penyelidikan yang memainkan peranan penting dalam ekosistem pembangunan belia negara, IYRES komited untuk menjadikan pelan ini sebagai panduan dalam merancang, melaksanakan dan menilai keberkesanan intervensi dasar. Pelaksanaan pelan ini akan melibatkan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk kementerian, agensi kerajaan, pertubuhan belia, institusi pendidikan dan komuniti. Sinergi dan kerjasama ini penting untuk memastikan pendekatan yang holistik serta inklusif dalam menghasilkan impak yang menyeluruh.

IYRES juga sentiasa berusaha untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan lebih komprehensif, inovatif dan inklusif bagi memenuhi aspirasi semua pemegang taruh serta pelanggan yang sentiasa mahukan pembaharuan. Melalui perancangan pelan strategik ini, fungsi dan peranan IYRES telah diterjemah ke dalam satu bentuk dokumen perancangan yang strategik serta mampu memenuhi keperluan golongan sasaran yang ditetapkan.

3 TERAS STRATEGIK IYRES 2026–2030

Teras Strategik 1

Pemantapan Penyelidikan dan Pengurusan Data Secara Holistik

Teras Strategik 2

Pemantapan Jaringan Kolaborasi Strategik dan Komunikasi

Teras Strategik 3

Pengukuhan Tadbir Urus yang Baik

Value of all subdivisions
Best subdivision value
Subdivision 1
Subdivision 2
Subdivision 3
Product placement in different regions
Subdivisions
Main company
Competitors
Others
jan.
june
july
aug.
sep.
nov.
The given analytical report allows to estimate to the full a current situation both in all company, and in its divisions separately. It will allow to predict more precisely immediate prospects of development of the company at the account of preservation of positive dynamics of growth.
As a result of investigation of period to do next: raise a break-even sales level, increase incomes of direct sales, reduce costs to transportation, strengthen sale divisions, carry out personnel training.

LATAR BELAKANG

LATAR BELAKANG

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) atau kini dikenali sebagai *Institute for Youth Research* (IYRES) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Penubuhan IYRES telah disempurnakan oleh Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia ke-5 pada 15 Mei 2005 bersempena sambutan Hari Belia Negara (HBN) 2005.

Penubuhan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) adalah sejajar dengan Teras Kesepuluh (10): Penyelidikan dan Pembangunan, Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional (2004) yang bertemakan "Ke Arah Mewujudkan Belia Cemerlang, Gemilang dan Terbilang" pada 15 Mei 2005. Penyelidikan pembangunan belia di negara ini belum lagi menyerlah dan tidak dapat memenuhi keperluan pembangunan belia secara inklusif pada ketika itu. Matlamat teras tersebut ialah mewujudkan pusat penyelidikan pembangunan belia yang unggul dan dapat bertindak sebagai pusat rujukan serta rangkaian pembangunan belia di semua peringkat dan melibatkan pelbagai pemegang taruh.

Rentetan itu, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah ditubuhkan secara rasminya melalui Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [Akta 668] Bahagian VII yang telah diwartakan pada 26 Julai 2007. Selaras dengan penubuhan tersebut, waran pertama perjawatan dengan 13 perjawatan tetap pelbagai skim perkhidmatan telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada Julai 2008.

Menyedari bahawa Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) berpotensi untuk dikembangkan, inisiatif meningkatkan keterlihatan untuk lebih dikenali dan dirujuk di peringkat nasional mahupun antarabangsa telah diambil melalui strategi penjenamaan semula Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) kepada *Institute for Youth Research Malaysia* (IYRES) atau dengan nama singkatnya, IYRES pada tahun 2014. Penukaran logo baharu juga telah dilaksanakan bagi menterjemahkan sembilan (9) fungsi dan peranan IYRES seperti yang digariskan dalam Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668). Nama baharu tersebut merupakan cetusan idea YB Khairy Jamaluddin, mantan Menteri Belia dan Sukan. Nama dan logo baharu IYRES telah dirasmikan oleh beliau pada 6 Februari 2014.

PROFIL KORPORAT

PROFIL KORPORAT

FUNGSI IYRES YANG TERMAKTUB DALAM AKTA 668, BAHAGIAN VII, SEKSYEN 57:

01 Untuk bertindak sebagai pusat penyelidikan pembangunan belia kebangsaan

02 Untuk mengumpul, mengurus dan menyebarkan maklumat dan menyenggara rekod semua perkara berkaitan yang berhubungan dengan pembangunan belia

03 Untuk menjalankan, memudahkan atau membiayai penyelidikan yang berkaitan dengan pembangunan belia

04 Untuk mengadakan perkhidmatan teknikal, nasihat, perundingan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan pembangunan belia

05 Untuk mewujudkan dan mengekalkan hubungan dan kerjasama dengan lain-lain institusi yang berkaitan di dalam dan di luar Malaysia bagi tujuan mempertingkatkan pembangunan belia

06 Untuk menganalisis, menilai dan membuat syor mengenai aktiviti belia yang dianjurkan oleh pertubuhan belia, badan kerajaan, organisasi bukan kerajaan atau mana-mana organisasi sektor swasta yang lain

07 Untuk menjalankan program bercorak pendidikan dan kesedaran untuk menggalakkan pembangunan belia

08 Untuk bekerjasama, menyelaras dan menyertai dalam program atau aktiviti pembangunan belia yang berkaitan dengan penyelidikan yang dianjurkan oleh organisasi kebangsaan atau antarabangsa

09 Untuk melakukan apa-apa perkara lain yang didapatinya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya

PUNCA KUASA

Punca kuasa perundangan bagi aktiviti menggalakkan dan memudahkan pembangunan belia di Malaysia dari aspek pendidikan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia serta untuk menubuhkan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia adalah daripada Akta 668. Selaras dengan itu, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia telah ditubuhkan di bawah seksyen 55 untuk menjalankan fungsi sebagai pusat penyelidikan pembangunan belia kebangsaan.

Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [Akta 668] Bahagian VII yang telah diwartakan pada 26 Julai 2007. Akta ini merupakan suatu akta untuk mendaftarkan pertubuhan belia, menggalakkan dan memudahkan pembangunan belia di Malaysia dari aspek pendidikan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia, untuk menubuhkan Majlis Perundingan Belia Negara, untuk menubuhkan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Akta ini penting bagi IYRES kerana merupakan asas penubuhannya dalam memastikan pentadbiran, pengurusan fungsi dan hal ehwal IYRES berjalan lancar mengikut peraturan atau garis panduan yang berkuatkuasa. IYRES tertakluk kepada sebahagian akta ini, walau bagaimanapun perkhususan akta ini bagi IYRES adalah Bahagian VII yang terbahagi kepada empat (4) bab dan 25 seksyen iaitu:

Bab 1 (4 seksyen)	Peruntukan am yang mengandungi nama institut, meterai perbadanan, fungsi dan kuasa institut
Bab 2 (11 seksyen)	Mengenai Lembaga Pengarah, keanggotaan, kuasa, fungsi, tempoh pelantikan, pembatalan pelantikan, perletakan jawatan, pengosongan jawatan, perwakilan fungsi dan kuasa Lembaga, jawatankuasa Lembaga, saraan dan elaun, kuasa Menteri untuk memberi arahan serta kesahan perbuatan dan prosiding
Bab 3 (2 seksyen)	Mengenai peruntukan yang berhubungan dengan Ketua Pegawai Eksekutif dan pelantikan pegawai
Bab 4 (8 seksyen)	Mengenai pengurusan kewangan berkaitan penubuhan kumpulan wang, perbelanjaan dan penyediaan anggaran, pemeliharaan kumpulan wang, kuasa untuk melabur, akaun dan laporan, tatacara kewangan dan tahun kewangan

AKTA-AKTA LAIN

Selain daripada Akta 668, terdapat juga akta-akta lain yang dirujuk untuk pelaksanaan aktiviti penyelidikan di IYRES. Antaranya:

1. **Perlembagaan Persekutuan**

2. **Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]**

3. **Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 [Akta A1511]**

4. **Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576]**

5. **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709]**

6. **Akta Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 [Akta A1727]**

7. **Akta Perkongsian Data 2025 [Akta 864]**

DASAR BELIA MALAYSIA (DBM) 2015 – 2035

Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015 – 2035 merupakan dasar utama rujukan IYRES dalam pelaksanaan fungsi dan peranan dalam pembangunan belia. Dasar ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 April 2015. Terdapat mekanisme penilaian yang perlu dilaksanakan ke atas dasar ini bagi memastikan segala pelaksanaan inisiatif pembangunan belia masa kini dan masa hadapan sentiasa relevan dan terkini dalam memenuhi keperluan pembangunan belia semasa. Menerusi dasar ini, terdapat enam (6) mekanisme penilaian utama seperti berikut:

01 Indeks Belia Malaysia

02 Pembangunan Belia Positif 8C

03 Penilaian ke atas 9 Bidang Keutamaan Belia

04 Perbandingan dengan Belia di Peringkat Antarabangsa sebagai Kayu Pengukur Keupayaan Belia Malaysia berbanding Negara Lain

05 Kajian Pembangunan Kesejahteraan Aset Belia Malaysia

06 11 Petunjuk Belia sebagai Sumber dan Aset Negara

Enam (6) mekanisme penilaian ini merupakan penyelidikan pembangunan belia yang mensasarkan golongan belia untuk memastikan pengetahuan baru berhubung pembangunan belia dapat dibuktikan dan terhasil. Selain itu, dapatan hasil penyelidikan turut dijadikan asas kepada perancangan strategik bagi mengurus pembangunan belia negara berdasarkan fakta dan angka. Hal ini merupakan peranan dan fungsi IYRES bagi memperkasakan golongan belia di Malaysia.

DASAR-DASAR LAIN

Dasar-dasar yang diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri juga merupakan sumber kuasa bagi pelaksanaan aktiviti pembangunan belia dan sukan, antaranya:

01

Visi Sukan Negara 2030 (VSN2030)

02

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030

03

Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) 2026 - 2030

04

Matlamat Pembangunan Lestari 2030 (*Sustainable Development Goals* (SDGs) 2030)

05

Dasar TVET Negara 2030

06

Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030

07

Pelan Strategik Kementerian Belia dan Sukan (KBS) 2026-2030

08

Pelan Tindakan Pembangunan Belia Malaysia 2035

09

Global Youth Development Index

10

ASEAN Youth Development Index

11

Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 (PSPSA)

12

Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM)

13

Model Pembangunan Belia Madani 2030

GARIS PANDUAN, MANUAL DAN TATACARA

Garis Panduan, Manual dan Tatacara yang disediakan oleh IYRES dengan kelulusan Lembaga Pengarah atau Menteri Belia dan Sukan juga merupakan punca kuasa bagi perancangan dan pelaksanaan aktiviti IYRES:

- Garis Panduan Penyelidikan, Data, Penerbitan dan Perundingan Penyelidikan IYRES
- Tatacara Kewangan dan Perakaunan IYRES
- Piagam Integriti Penyelidikan IYRES
- Garis Panduan Biasiswa Pendidikan IYRES
- Garis Panduan Perubatan IYRES

ARAHAN/ PEKELILING/ SURAT PERBENDAHARAAN

1. Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam
2. Pekeliling Perkhidmatan
3. Arahan Perkhidmatan
4. Arahan Perbendaharaan

REVOLUSI LOGO

2005

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA

2007

IPPBM

2009

IPPBM

2014

IYRES

INSTITUTE FOR YOUTH RESEARCH MALAYSIA

CARTA ORGANISASI



PEMEGANG TARUH

Pemegang taruh merupakan pihak yang mempunyai kepentingan terhadap *outcome* dan impak yang diperolehi menerusi pelaksanaan penyelidikan, pengurusan data, penerbitan dan program sokongan penyelidikan, yang mana kebiasaannya adalah merupakan pihak penggubal dasar atau mempunyai pengaruh dalam menentukan sesuatu dasar, serta 10 kumpulan pelaksana seperti yang digariskan dalam Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015 – 2035 iaitu keluarga, masyarakat, badan bukan kerajaan (NGO), Kementerian Belia dan Sukan dan agensi persekutuan, kerajaan negeri, institusi pendidikan dan penyelidikan, media, syarikat berkaitan kerajaan dan swasta, kepimpinan politik, NGO belia dan individu belia.

KERAJAAN PERSEKUTUAN

- YAB Perdana Menteri
- Jemaah Menteri
- YB Menteri dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan
- Ketua Setiausaha Negara
- Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan
- Lembaga Pengarah IYRES

KERAJAAN NEGERI

- YAB Menteri Besar/ Ketua Menteri
- YB Exco Belia Negeri
- YB Setiausaha Kerajaan Negeri

PELANGGAN

Pelanggan merupakan individu atau organisasi yang menerima dan menggunakan hasil penyelidikan atau terlibat dalam program sokongan penyelidikan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Sektor Awam

- Agensi-Agensi Kerajaan Persekutuan
- Agensi-agensi Kerajaan Negeri
- Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)

1

Sektor Swasta

- Institut Penyelidikan dan Pendidikan Swasta

2

Badan Bukan Kerajaan Dalam Negara

- Majlis Belia Malaysia
- Pertubuhan berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia
- Pertubuhan berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia

3

Badan Bukan Kerajaan Luar Negara

- *ASEAN Secretariat*
- *The Commonwealth Secretariat*
- *United Nations Children's Fund* (UNICEF)
- *United Nations Development Programme* (UNDP)

4

Lapan Kumpulan Sasar Belia

- Belia Bersekolah
- Belia Berkerjaya
- Belia Massa
- Belia Minoriti dan Golongan Terpinggir
- Belia Pengajian Tinggi
- Perkumpulan Belia
- Belia Malaysia Antarabangsa
- Belia Berisiko

5

Orang Awam

- Semua Lapisan Masyarakat

6

RAKAN STRATEGIK

Rakan strategik merupakan organisasi, kumpulan, pertubuhan atau entiti yang menjalinkan kerjasama dengan IYRES dalam bentuk yang tertentu bagi mencapai suatu matlamat bersama. Rakan strategik juga bekerjasama dan berkongsi sumber sama ada berkongsi sumber fizikal, intelektual atau kewangan dalam menjayakan sesuatu pelaksanaan serta adil dalam memberi atau menerima manfaat bersama.

SEKTOR AWAM

KEMENTERIAN DAN JABATAN KERAJAAN

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

KBS

KBS | JBSN JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA

adamas AGENSI ANTI-DOPING MALAYSIA • ANTI-DOPING AGENCY OF MALAYSIA

PEJABAT PERDANA MENTERI AKADEMI KENEGARAAN

PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA

INSTITUT SUKAN NEGARA MALAYSIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (N) SABAH

POLIS DIRAJA MALAYSIA

PENJARA MALAYSIA

RELA JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA

SPRM

MAJLIS KESELAMATAN NEGARA NSC MALAYSIA

SPR

NCEMH

JABATAN PERDANA MENTERI

KHIDMAT NEGARA

LHDN MALAYSIA

PERKESO

JUPEM

JAKIM

SEKTOR AWAM

MBLS

iku INSTITUTE FOR PUBLIC HEALTH @NIH

mdi

ISM INSTITUT SOSIAL MALAYSIA

Jabatan Pembangunan Wanita

AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN NADA MALAYSIA

JPA

MQA Agensi Kelayakan Malaysia Malaysian Qualifications Agency

JPN

PERBADANAN PRIMA MALAYSIA

KWSP EPF

B.P.K.K BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEBAJIKAN KELUARGA

Jabatan KEBAJIKAN Masyarakat Berbal Berjasa

JABATAN PENDIDIKAN KOLEJ KOMUNITI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KOLEJ KOMUNITI

PUNB

AKPK

PPAM PERUMAHAN PENJAWAT AWAM MALAYSIA

SKMM Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Malaysian Communications and Multimedia Commission

LPPKN LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

SEKTOR SWASTA

INTERNATIONAL YOUTH CENTRE KUALA LUMPUR

PERHEBAT

SIRIM

BANK NEGARA MALAYSIA CENTRAL BANK OF MALAYSIA

IMPACT MALAYSIA

BADAN BUKAN KERAJAAN DALAM NEGARA

BADAN BUKAN KERAJAAN ANTARABANGSA

INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI AWAM DAN SWASTA

Pelan Strategik IYRES 2021-2025 telah dihasilkan melalui tiga (3) teras strategik utama, iaitu (1) Memantapkan Penyelidikan dan Pengurusan Data Secara Holistik; (2) Melebarkan Jaringan Strategik, Pembangunan Belia dan Pemantapan Komunikasi; dan (3) Memperkukuhkan Tadbir Urus yang Baik. Pelan ini menggariskan lapan (8) strategi dan 27 program khusus untuk mencapai misi dan visi IYRES dalam tempoh tersebut.

IMBASAN PELAN STRATEGIK IYRES 2021–2025

Antara impak utama yang diperoleh daripada pelaksanaan pelan ini termasuklah kesedaran akan keperluan untuk IYRES terus menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran pembangunan belia yang dinamik. Kepentingan pendigitalan dalam semua aspek operasi dan penyampaian perkhidmatan, selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025, turut menjadi fokus utama.

Selain itu, penjajaran berterusan dengan dasar-dasar nasional seperti Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rancangan Malaysia Ke-12, Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030, dan Pelan Strategik KBS 2021-2025 telah diberi penekanan sebagai elemen penting dalam memastikan relevansi dan keberkesanan IYRES.

Walaupun Pelan Strategik IYRES 2021-2025 menyediakan asas yang kukuh, pelan strategik yang baharu perlu bersifat lebih dinamik dan memberi penekanan kepada penyelidikan berimpak tinggi yang bukan sahaja reaktif kepada isu semasa tetapi juga bersifat *foresight* atau jangkaan masa depan. Dunia sedang mengalami perubahan yang pantas, terutamanya dalam isu-isu berkaitan pembangunan belia dan kemajuan teknologi.

Oleh itu, penyelidikan yang hanya bergantung kepada data lampau mungkin kurang memadai untuk perancangan masa depan yang efektif. IYRES perlu meningkatkan keupayaan dalam penyelidikan *foresight* untuk menjangka trend, cabaran dan peluang yang bakal dihadapi oleh golongan belia. Penekanan kepada "pengurusan data secara holistik" juga perlu diteliti secara mendalam dengan penggunaan teknologi analitik data terkini, termasuk kecerdasan buatan (AI) bagi mengenal pasti corak yang kompleks dan menghasilkan pandangan yang lebih bernas untuk pembangunan dasar serta polisi pembangunan belia yang inklusif.

PENCAPAIAN KESELURUHAN PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK IYRES 2021-2025

sehingga Disember 2025

3	TERAS
8	STRATEGI
27	PROGRAM
450	AKTIVITI

	TERAS STRATEGIK 1		TERAS STRATEGIK 2		TERAS STRATEGIK 3	
PERATUS PENCAPAIAN	100%		100%		100%	
BIL. STRATEGI	2		3		3	
BIL. PROGRAM	8		9		10	
BIL. AKTIVITI	SASARAN 48	PENCAPAIAN 144	SASARAN 121	PENCAPAIAN 204	SASARAN 34	PENCAPAIAN 102
	MEMANTAPKAN PENYELIDIKAN DAN PENGURUSAN DATA SECARA HOLISTIK		MELEBARKAN JARINGAN STRATEGIK, PEMBANGUNAN BELIA DAN PEMANTAPAN KOMUNIKASI		MEMPERKUKUH TADBIR URUS YANG BAIK	

ANALISIS PERSEKITARAN DAN CABARAN

Analisis persekitaran dilaksanakan bagi mengenal pasti isu serta cabaran dalaman dan luaran yang mempengaruhi prestasi organisasi. Melalui analisis ini, IYRES dapat merangka hala tuju strategik yang lebih komprehensif dengan berpandukan maklumat yang tepat, penilaian menyeluruh dan kawalan berkesan terhadap isu yang dikenal pasti.

Selain itu, analisis persekitaran turut memastikan perkhidmatan yang disediakan memenuhi keperluan dan jangkaan pemegang taruh serta pelanggan, di samping meningkatkan tahap kesiapsiagaan organisasi dalam menghadapi cabaran dan perubahan persekitaran.

Hasil analisis ini juga telah mengenal pasti pelbagai faktor yang boleh menjadi peluang dan halangan. Faktor-faktor tersebut memberikan impak langsung terhadap fungsi dan peranan IYRES dalam usaha mengekalkan penyampaian perkhidmatan yang efektif, relevan, serta berkesan.

CABARAN DALAMAN

1. PENYELIDIKAN

Penyelidikan merupakan teras utama yang memacu peranan IYRES sebagai pusat penyelidikan pembangunan belia kebangsaan. Untuk kekal relevan, para penyelidik IYRES perlu mengambil langkah proaktif dalam memperkasa budaya penyelidikan yang kreatif, berinovasi dan berimpak tinggi. Perubahan landskap belia dan perkembangan teknologi menuntut mekanisme penyelidikan yang lebih mendalam serta meluas. Justeru, penyelidikan usahasama rentas bidang, rentas agensi dan rentas negara perlu diperhebat bagi meningkatkan kepelbagaian pendekatan, memperluas pengalaman serta memperkukuh kepakaran IYRES. Namun begitu, keterbatasan sumber kewangan dan kapasiti penyelidik sedia ada menimbulkan cabaran dalam memastikan semua penyelidikan dapat dilaksanakan secara konsisten dengan kualiti yang optimum serta hasil yang memberi nilai tambah kepada pembuat dasar dan masyarakat.

2. MODAL INSAN

Modal insan merupakan aset utama yang menentukan keberkesanan perancangan dan pelaksanaan program IYRES. Untuk berfungsi sebagai pusat penyelidikan unggul, IYRES memerlukan tenaga kerja yang berilmu, berkemahiran tinggi, berfikiran strategik dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan zaman. Namun begitu, keterbatasan bilangan pegawai penyelidik dan kepakaran dalam bidang-bidang baharu menimbulkan kekangan kepada keberkesanan operasi organisasi. Cabaran juga timbul dalam memastikan kesinambungan kepakaran, khususnya dalam menghadapi permintaan yang semakin pelbagai daripada pihak berkepentingan. Oleh itu, IYRES perlu memberi tumpuan kepada strategi pembangunan bakat, latihan berterusan dan usaha menarik serta mengekalkan tenaga pakar bagi menjamin kelestarian fungsi teras penyelidikan.

3. PENGURUSAN DATA DAN TEKNOLOGI

Pengurusan data yang cekap dan bersepadu merupakan tonggak kepada penyelidikan berkualiti tinggi. IYRES berdepan cabaran dalam mengintegrasikan data sedia ada dengan pangkalan maklumat daripada pelbagai pemegang taruh, selain keperluan untuk menaik taraf infrastruktur teknologi maklumat bagi menampung analitik data raya dan melindungi keselamatan maklumat. Perkembangan pesat teknologi seperti kecerdasan buatan dan analitik ramalan turut menuntut perubahan kaedah pengumpulan, penganalisisan serta penyebaran data agar hasil kajian IYRES lebih cepat, tepat dan mudah diakses. Oleh itu, cabaran utama adalah memastikan sistem teknologi di IYRES sentiasa seiring dengan keperluan semasa dan mampu menyokong penyelidikan yang berorientasikan data dan fakta.

CABARAN LUARAN

1. PERUBAHAN LANDSKAP BELIA

Golongan belia kini berdepan dengan isu-isu yang lebih kompleks, termasuklah kesihatan mental, ketidaktentuan peluang pekerjaan, jurang digital, keterlibatan dalam aktivisme sosial, dan pengaruh teknologi dalam kehidupan seharian. Kepelbagaian latar belakang, aspirasi dan gaya hidup belia menuntut pendekatan penyelidikan yang lebih komprehensif dan bersifat inklusif. Cabaran besar bagi IYRES adalah untuk menyesuaikan agenda penyelidikan dengan perubahan corak kehidupan belia yang dinamik agar dapatan yang dihasilkan benar-benar relevan dan boleh dijadikan asas dalam merangka dasar serta polisi pembangunan belia negara.

2. JARINGAN KERJASAMA STRATEGIK

Kerjasama strategik dengan pelbagai pemegang taruh di peringkat kebangsaan dan antarabangsa amat penting bagi memperkukuh kedudukan IYRES sebagai pusat penyelidikan yang berautoriti. Walaupun pelbagai kolaborasi telah dilaksanakan, cabaran yang wujud adalah memastikan kerjasama tersebut dapat diperkukuh secara berterusan dan memberi nilai tambah kepada kepakaran serta keterlihatan IYRES. Dalam ekosistem penyelidikan yang semakin kompetitif, IYRES perlu proaktif membina jaringan baharu, meningkatkan kolaborasi rentas sektor, dan memperluas jalinan antarabangsa agar hasil penyelidikan lebih berdaya saing serta diiktiraf sebagai rujukan utama dalam pembangunan belia.

3. REVOLUSI TEKNOLOGI MAKLUMAT

Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi telah mengubah cara masyarakat, termasuk golongan belia, berinteraksi, bekerja serta mengakses maklumat. Seiring dengan revolusi digital, wujud tuntutan agar penyampaian perkhidmatan awam bersifat lebih inklusif, bersepadu dan mesra pengguna. Hal ini juga menuntut IYRES untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran digital baharu melalui penghasilan data, penerbitan dan laporan yang boleh diakses dengan mudah, cepat serta tepat oleh semua pihak berkepentingan. Cabaran utama bagi IYRES adalah untuk memastikan teknologi digital dimanfaatkan sepenuhnya dalam penyelidikan, pengurusan data dan penyebarluasan hasil kajian, selaras dengan agenda kerajaan digital yang memberi penekanan kepada prinsip "tiada yang terpinggir".

Results
185
146
42
29
16
89
36
ACTION
PLAN
DO
CHECK

HALA TUJU STRATEGIK

HALA TUJU STRATEGIK

VISI

Peneraju Hab Penyelidikan dan Data Pembangunan Belia

MISI

Institusi Penyelidikan Yang Inklusif dan Mampan Melalui Ekosistem Yang Komprehensif Demi Kesejahteraan Belia Malaysia

MOTO

ILMU. AMAL. IMPAK
(*KNOWLEDGE. ACTION. IMPACT*)

Teras Strategik 1	Teras Strategik 2	Teras Strategik 3
Pemantapan Penyelidikan dan Pengurusan Data Secara Holistik	Pemantapan Jaringan Kolaborasi Strategik dan Komunikasi	Pengukuhan Tadbir Urus yang Baik

NILAI-NILAI BERSAMA

I Y R E S

NILAI-NILAI BERSAMA

INSIGHTFUL (BERWAWASAN)

IYRES berpegang kepada prinsip berwawasan dalam menghasilkan dapatan penyelidikan yang tepat, mendalam dan bersifat proaktif. Setiap analisis dan cadangan dasar disusun dengan pertimbangan masa hadapan, berpandukan bukti empirikal serta trend semasa, bagi menjamin kelestarian pembangunan belia yang holistik dan strategik.

YOUTH-CENTRIC (BERTERASKAN BELIA)

Pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh IYRES meletakkan belia sebagai fokus utama. Penyelidikan, program dan dasar yang dibangunkan sentiasa disesuaikan mengikut keperluan, aspirasi dan potensi golongan belia agar diberi keutamaan dalam proses pembangunan negara.

RESEARCH INNOVATION (INOVASI PENYELIDIKAN)

IYRES sentiasa meneroka kaedah dan pendekatan penyelidikan yang inovatif. Dengan memanfaatkan teknologi terkini, metodologi baharu dan kerjasama pelbagai disiplin, IYRES memastikan hasil kajian bukan sahaja tepat serta relevan, tetapi juga berupaya mencetuskan pembaharuan dalam bidang pembangunan belia.

EMPOWERMENT (BERDAYA UPAYA)

Penyelidikan IYRES bertujuan untuk memperkasa semua pihak yang terlibat dalam ekosistem pembangunan belia termasuk pembuat dasar, organisasi belia dan komuniti agar mampu membuat keputusan yang bijaksana, melaksana program yang efektif serta membina kapasiti belia ke arah kualiti dan kesejahteraan hidup.

SHARING OF KNOWLEDGE (PERKONGSIAN ILMU)

IYRES menjunjung nilai keterbukaan dan kolaborasi dalam penyebaran ilmu. Melalui seminar, forum, penerbitan dan kerjasama strategik, IYRES berkongsi pengetahuan serta dapatan penyelidikan dengan pelbagai pihak bagi memastikan manfaat penyelidikan dapat dioptimumkan demi kemajuan bersama.

5.0000
4.0000
3.0000
1.0000
0.0000

TERAS STRATEGIK

TERAS STRATEGIK IYRES

Merupakan asas kepada perancangan pelaksanaan strategi dan program ke arah mencapai visi dan hala tuju organisasi yang ditetapkan.

2 STRATEGI 9 PROGRAM	3 STRATEGI 7 PROGRAM	3 STRATEGI 8 PROGRAM
TERAS STRATEGIK 1	**TERAS STRATEGIK 2**	**TERAS STRATEGIK 3**
Pemantapan Penyelidikan dan Pengurusan Data Secara Holistik	Pemantapan Jaringan Kolaborasi Strategik dan Komunikasi	Pengukuhan Tadbir Urus Yang Baik

Pelan Strategik IYRES 2026–2030

TERAS STRATEGIK 1

PEMANTAPAN PENYELIDIKAN DAN PENGURUSAN DATA SECARA HOLISTIK

STRATEGI 1	PROGRAM
MENGARUS PERDANAKAN INOVASI PENYELIDIKAN	• Penyelidikan Pembangunan Belia Berimpak Tinggi/ Futuristik/ *Futureproof* • Pelaksanaan Kajian Berteraskan Isu Semasa Secara Berterusan/ Konsisten/ *Rapid* • Kertas Pernyataan (IYRES *Statement Paper*) • *Youth as Researcher* (YAR) • Produk Inovasi Penyelidikan • Pembiayaan Penyelidikan
STRATEGI 2	**PROGRAM**
MEMPERKASAKAN PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN DATA	• *Digital Monitoring and Analytics Platform* (D-MAP) • TEGLAB (*Technology Lab*) • Program *Hub Data Exchange* (HDX)

TERAS STRATEGIK 2

PEMANTAPAN JARINGAN KOLABORASI STRATEGIK DAN KOMUNIKASI

STRATEGI 1	PROGRAM
MEMPERKASA KOLABORASI STRATEGIK DALAM PENYEBARLUASAN HASIL KAJIAN DI PERINGKAT NASIONAL DAN ANTARABANGSA	• Kerjasama Penyelidikan • Program Pemantapan *Indexing Asia Pacific Journal of Youth Studies* (APJYS) • Penerbitan Artikel Penyelidikan
STRATEGI 2	**PROGRAM**
MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN BELIA MELALUI PENGLIBATAN PEMEGANG TARUH	• Program Advokasi Pemerkasaan Belia Peringkat Nasional dan Antarabangsa • Pemantapan IYRES *Community Enumerator* (ICE)
STRATEGI 3	**PROGRAM**
MEMANTAPKAN STRATEGI KOMUNIKASI BAGI PENYERLAHAN POTENSI IYRES	• Pelan Komunikasi IYRES • Pengurusan Aduan Pelanggan

TERAS STRATEGIK 3

PENGUKUHAN TADBIR URUS YANG BAIK

STRATEGI 1	PROGRAM
MEMANTAPKAN ORGANISASI	• Sistem Pengurusan Secara Digital • Menaiktaraf Fasiliti, Infrastruktur dan Infostruktur IYRES • Pemantapan Peraturan dan Perakaunan IYRES
STRATEGI 2	**PROGRAM**
MENDAYA UPAYAKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN MELALUI PEMBUDAYAAN PROFESIONALISME	• Pengukuhan Struktur Perjawatan IYRES • Profesionalisme Melalui Pembiayaan Pendidikan • Pelan Laluan Kerjaya • Kursus Pensijilan Kompetensi Profesional Penyelidikan dan Data
STRATEGI 3	**PROGRAM**
MEMPELBAGAIKAN DANA ATAU SUMBER KEWANGAN	• Dana Perkhidmatan Daripada Pihak Luar

Teras Strategik 1:
Pemantapan Penyelidikan dan Pengurusan Data Secara Holistik

Strategi 1: Mengarus Perdanakan Inovasi Penyelidikan

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN OUTPUT (BILANGAN/ PERATUS)					TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
		2026	2027	2028	2029	2030		
Penyelidikan Pembangunan Belia Berimpak Tinggi/ Futuristik/ *Futureproof*	16 laporan peringkat nasional (*1 laporan peringkat serantau)	4	2	4*	2	4	2026–2030	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
Pelaksanaan Kajian Berteraskan Isu Semasa Secara Berterusan/ Konsisten/ *Rapid*	20 kajian	4	4	4	4	4	2026–2030	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
Kertas Pernyataan (IYRES *Statement Paper*)	5 kertas	1	1	1	1	1	2026–2030	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
***Youth as Researcher* (YAR)**	950 penyertaan	300	-	300	-	350	2026–2030	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
	30% peserta mencapai pemarkahan 80% dan ke atas	10%	-	10%	-	10%		
	6 penyelidik muda	-	-	3	-	3		
Produk Inovasi Penyelidikan	1 projek	-	-	1	-	-	2026–2030	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
Pembiayaan Penyelidikan	2 geran	-	-	2	-	-	2026–2030	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan & Cawangan Strategik dan Penerbitan

Strategi 2: Memperkasakan Pengurusan dan Pemantauan Data

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN OUTPUT (BILANGAN/ PERATUS)					TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
		2026	2027	2028	2029	2030		
***Digital Monitoring and Analytics Platform* (D-MAP)**	1 sistem	-	-	-	-	1	2026–2030	Cawangan Pengurusan Data
TEGLAB (Technology Lab)	5 projek	1	1	1	1	1	2026–2030	Cawangan Pengurusan Data
Program *Hub Data Exchange* (HDX)	3 projek	1	-	1	-	1	2026–2030	Cawangan Pengurusan Data

Teras Strategik 2:
Pemantapan Jaringan Kolaborasi Strategik dan Komunikasi

Strategi 1: Memperkasa Kolaborasi Strategik dalam Penyebarluasan Hasil Kajian di Peringkat Nasional dan Antarabangsa

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN OUTPUT (BILANGAN/ PERATUS)					TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
		2026	2027	2028	2029	2030		
Kerjasama Penyelidikan	10 Memorandum Persefahaman (MoU)	2	2	2	2	2	2026–2030	Cawangan Strategik dan Penerbitan
Program Pemantapan *Indexing Asia Pacific Journal of Youth Studies* (APJYS)	2 penambahbaikan kandungan	-	1	-	1	-	2026–2030	Cawangan Strategik dan Penerbitan & Cawangan Media dan Program
	10 aktiviti promosi	2	2	2	2	2		
	10 kerjasama	2	2	2	2	2		
Penerbitan Artikel Penyelidikan	20 artikel	4	4	4	4	4	2026–2030	Cawangan Strategik dan Penerbitan

Strategi 2: Memperkasakan Pembangunan Belia Melalui Penglibatan Pemegang Taruh

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN OUTPUT (BILANGAN/ PERATUS)					TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
		2026	2027	2028	2029	2030		
Program Advokasi Pemerkasaan Belia Peringkat Nasional dan Antarabangsa	13 program intelektual	3	2	3	2	3	2026–2030	Cawangan Media dan Program
Pemantapan IYRES Community Enumerator (ICE)	5 aktiviti	1	1	1	1	1	2026–2030	Cawangan Pengurusan Data

Strategi 3: Memantapkan Strategi Komunikasi bagi Penyerlahan Potensi IYRES

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN OUTPUT (BILANGAN/ PERATUS)					TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
		2026	2027	2028	2029	2030		
Pelan Komunikasi IYRES	2 pelan	1	-	1	-	-	2026–2030	Cawangan Media dan Program
Pengurusan Aduan Pelanggan	20 laporan	4	4	4	4	4	2026–2030	Cawangan Media dan Program

Teras Strategik 3:
Pengukuhan Tadbir Urus Yang Baik

Strategi 1: Memantapkan Organisasi

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN OUTPUT (BILANGAN/ PERATUS)					TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
		2026	2027	2028	2029	2030		
Sistem Pengurusan Secara Digital	3 sistem	1	1	-	-	1	2026–2030	Bahagian Khidmat Pengurusan & Cawangan Teknologi Maklumat
Menaiktaraf Fasiliti, Infrastruktur dan Infostruktur IYRES	2 projek	-	1	-	1	-	2026–2030	Bahagian Khidmat Pengurusan
Pemantapan Peraturan dan Perakaunan IYRES	2 dokumen	1	-	-	1	-	2026–2030	Unit Kewangan dan Perolehan

Strategi 2: Mendaya Upayakan Pembangunan Modal Insan Melalui Pembudayaan Profesionalisme

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN OUTPUT (BILANGAN/ PERATUS)					TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
		2026	2027	2028	2029	2030		
Pengukuhan Struktur Perjawatan IYRES	1 permohonan	1	-	-	-	-	2026–2030	Bahagian Khidmat Pengurusan
Profesionalisme Melalui Pembiayaan Pendidikan	2 penawaran	-	1	-	-	1	2026–2030	Bahagian Khidmat Pengurusan
Pelan Laluan Kerjaya	1 aktiviti	-	-	1	-	-	2026–2030	Bahagian Khidmat Pengurusan
Kursus Pensijilan Kompetensi Profesional Penyelidikan dan Data	2 pensijilan	-	1	-	1	-	2026–2030	Cawangan Pengurusan Data

Strategi 3: Mempelbagaikan Dana atau Sumber Kewangan

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN OUTPUT (BILANGAN/ PERATUS)					TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
		2026	2027	2028	2029	2030		
Dana Perkhidmatan Daripada Pihak Luar	10 perkhidmatan	2	2	2	2	2	2026–2030	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan & Bahagian Khidmat Pengurusan

MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Bagi memastikan Pelan Strategik IYRES 2026 – 2030 dapat digerakkan, mekanisme pelaksanaan dan pemantauan adalah seperti berikut:



KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

Pelan strategik memerlukan komitmen pengurusan tertinggi dalam memastikan sasaran yang telah ditetapkan dapat dilaksanakan dan dipantau. Pemantauan boleh dilaksanakan dengan memastikan sasaran ini diambil kira semasa penetapan Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicator* (KPI) dan sasaran kerja utama pegawai secara tahunan.

PELAPORAN PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK

Pelan strategik ini dipantau melalui pelaporan pencapaian Pelan Strategik secara tahunan. Pelaporan ini perlu disahkan dan diluluskan oleh mesyuarat utama IYRES iaitu Mesyuarat Pengurusan Tertinggi IYRES.

PEMANTAUAN PELAN STRATEGIK

Pemantauan Pelan Strategik dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pemantau Pelan Strategik IYRES yang bertanggungjawab memantau pelaksanaan Pelan Strategik IYRES melalui pengesahan data dan analisa pencapaian secara berkala setiap tahun. Jawatankuasa ini dianggotai oleh semua Ketua Bahagian, Cawangan dan Unit. Semua Ketua Bahagian, Cawangan dan Unit bertanggungjawab untuk membuat pelaporan, pengesahan data dan analisa pencapaian setiap tahun semasa pelaporan dilaksanakan.

PENUTUP

Bagi memastikan IYRES melaksanakan fungsi dan peranan selaras Akta 668 serta memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan, Pelan Strategik IYRES 2026-2030 telah menggariskan tiga (3) teras strategik, lapan (8) strategi dan 24 program bagi tempoh lima (5) tahun akan datang. Pelan strategik ini penting sebagai mekanisme untuk mengukur prestasi dan pencapaian IYRES secara keseluruhan bagi tempoh 2026-2030.

Akhir sekali, kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik IYRES 2026–2030 bergantung kepada komitmen berterusan seluruh warga IYRES dan sokongan padu daripada rakan strategik. Berbekalkan semangat profesionalisme, inovasi dan integriti, IYRES yakin dapat merealisasikan visi dan misi yang digariskan serta menyumbang secara signifikan ke arah pembentukan generasi belia yang berdaya saing, berpengetahuan dan berpandangan jauh selaras dengan aspirasi negara.